

12 APR 1997

Muhammad-letak jawatan

MENTERI BESAR SELANGOR LETAK JAWATAN

KUALA LUMPUR, 12 April (Bernama) -- Tan Sri Sri Muhammad Haji Muhammad Taib, yang menghadapi dua tuduhan di Brisbane berhubung cubaan membawa wang tunai yang nilainya bersamaan RM2.4 juta dari Australia, telah meletakkan jawatan sebagai Menteri Besar Selangor, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan hari ini.

Peletakan jawatannya berkuatkuasa Isnin ini, kata Dr Mahathir selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di ibu pejabat parti di sini hari ini.

Muhammad, 51, turut meletakkan jawatan sebagai Ketua Perhubungan Umno Selangor dan Wilayah Persekutuan serta Pengerusi Barisan Nasional Selangor dan Wilayah Persekutuan.

Muhammad, yang merupakan Naib Presiden Umno, dijadual mengadakan persidangan berita bagi menjelaskan kedudukannya Isnin ini.

"Dia meletakkan jawatan atas kehendak dia sendiri supaya sebarang siasatan tidak akan mencemarkan nama Umno. Terpulang kepada keputusan di Brisbane sama ada dia salah atau tidak salah, barulah kita timbang kedudukan dia dalam parti," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata Muhammad membuat keputusan selepas mendengar pendapat seluruh anggota MT yang membincangkan masalah rasuah, salah guna kuasa dan kedudukan.

Muhammad dilantik menjadi Menteri Besar pada 14 Ogos 1986.

Beliau ditahan di Lapangan Terbang Antarabangsa Brisbane pada 22 Dis lepas setelah didapati membawa wang tunai dalam pelbagai jenis mata wang itu.

Beliau didakwa di Mahkamah Magistret Brisbane terhadap tuduhan gagal mengisytiharkan wang melebihi A\$5,000 kepada Kastam.

Mengikut Akta Laporan Urusniaga Kewangan Australia, Muhammad boleh didenda sejumlah A\$10,000 (RM20,000) atau penjara sehingga dua tahun jika sabit kesalahan.

Semalam, pihak pendakwa di Australia berkata Muhammad akan menghadapi satu lagi tuduhan iaitu membuat pengisytiharan palsu apabila beliau menghadiri mahkamah pada Ogos ini.

Muhammad menjadi subjek pelbagai kontroversi akhir-akhir ini termasuk penyiasatan Badan Pencegah Rasuah (BPR) berhubung wang tunai tersebut serta pemilikan hartanya di Australia yang dilaporkan bernilai berjuta-juta ringgit.

Akhbar Brisbane Courier Mail baru-baru ini mendedahkan pemilikan harta Menteri Besar itu yang membeli tanah seluas 4,500 hektar di Currajong Park, dekat Brisbane atas nama isterinya Puan Sri Asbi Rohani Asnan.

Muhammad sebelum ini mendakwa bahawa wang tunai itu adalah kepunyaan dua saudaranya untuk membeli hartanah di Gold Coast.

Bagaimanapun, pembelian itu tidak diteruskan kerana kedua-dua saudaranya itu tidak dapat hadir sama di Australia untuk tujuan pembelian tersebut.

Beliau juga menjadi sasaran kritikan ekoran kegiatan penebangan pokok secara besar-besaran untuk projek pembangunan di Selangor hingga menjejaskan alam sekitar.

Kedudukan Muhammad sebagai Naib Presiden Umno akan diketahui Isnin ini apabila beliau membuat kenyataan rasmi.

"Selepas itu barulah Umno akan menentukan kedudukannya dalam Majlis Tertinggi," kata Dr Mahathir.

Ketika ditanya mengapa Muhammad membuat keputusan meletakkan jawatan, Perdana Menteri berkata: "Dia membuat keputusan untuk meletakkan jawatan kerana dia berpendapat sebarang laporan dan siasatan ke atas dirinya tidak dikaitkan dengan Umno".

Apabila ditanya sama ada keputusan Muhammad itu menunjukkan beliau mengaku bersalah atas tuduhan-tuduhan yang dihadapi, Dr Mahathir berkata beliau tidak tahu sama ada ia merupakan satu pengakuan.

"Tetapi kenyataannya ialah dia tidak akan mengaitkan dirinya dengan Umno atas sebarang siasatan terhadap dirinya," katanya.

Dr Mahathir berkata soal pelantikan pengganti Muhammad sebagai Menteri Besar, Ketua Badan Perhubungan Umno Selangor dan Wilayah Persekutuan serta Pengerusi Barisan Nasional Selangor dan Wilayah Persekutuan akan ditentukan kemudian selepas perbincangan diadakan.

Ketika ditanya sama ada keputusan Muhammad itu tepat, Dr Mahathir berkata terpulang kepada Menteri Besar itu untuk membuat keputusan kerana itu adalah haknya.

Kepada soalan sama ada Majlis Tertinggi yang menasihati Muhammad supaya meletakkan jawatan, Perdana Menteri berkata: "Kita bincangkan masalah itu. Selepas mendengar pendapat semua anggota, dia membuat keputusan sendiri untuk meletakkan jawatan. Orang lain bagi pandangan, dia buat keputusan".

Mengenai tuduhan di Mahkamah Majistret Brisbane yang hanya melibatkan kegagalan mengisytiharkan sejumlah wang yang dibawa keluar dan bukan tuduhan rasuah, Dr Mahathir berkata apa juga tuduhan yang dihadapinya telah memberi kesan kepada parti.

"Kita prihatin terhadap Umno. Dia sendiri berasa dia bertanggungjawab dan itu adalah haknya untuk membuat keputusan. Ahli parti tidak harus mencemarkan nama parti dengan membuat sesuatu yang mungkin menimbulkan sangkaan buruk terhadap parti," katanya pada persidangan berita itu yang turut dihadiri Muhammad.

Ketika ditanya sama ada peletakan jawatan Muhammad itu ada kaitan dengan desakan daripada luar termasuk parti-parti pembangkang, beliau berkata ia tidak ada kena mengena dengan desakan mereka.

"Siapa peduli pembangkang. Seolah-olah kita ini tidak bertanggungjawab nak tunggu pembangkang sahaja. Kononnya pembangkang yang membuat Malaysia ini berjaya.

"Kalau nak kira, Malaysia berjaya kerana pembangkang, kerana kerajaan terpaksa dengar pandangan pembangkang. (Jadi) sebenarnya yang berkesan selama ini ialah (Lim) Kit Siang dan (Datuk) Nik Aziz (Nik Mat). Nampaknya kita tidak buat apa-apa pun," katanya.

Ketika diminta ulasannya mengenai prestasi Muhammad selama menjadi Menteri Besar Selangor sejak 1986, Dr Mahathir berkata: "Tak payahlah. Tak payahlah buat jawapan itu".

Mengenai kedudukan lapan anggota Exco daripada enam negeri yang sedang disiasat oleh Badan Pencegah Rasuah (BPR), beliau berkata MT tidak membuat sebarang keputusan kerana belum mendapat apa-apa maklumat selain daripada yang dilaporkan oleh media.

Dewan Rakyat diberitahu Rabu lepas oleh Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Azmi Khalid bahawa BPR sedang menyiasat tiga anggota Exco Kerajaan Negeri Melaka dan masing-masing seorang dari Johor, Kedah, Selangor, Pulau Pinang dan Sabah. -- BERNAMA

TM MAI